

Headline	Cadang tanam pokok di tapak projek		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	140 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,048
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,144



Cadang tanam pokok di tapak projek

SHAHALAM – Kerajaan negeri bercadang mengubal dasar supaya pemaju di negeri ini dapat menyediakan satu pelan komprehensif kawalan aedes di tapak sepanjang tempoh pembinaan projek.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, kerajaan negeri mencadangkan agar penanaman pokok-pokok yang mampu menghalang kehadiran nyamuk dibuat di setiap kawasan pembangunan.

"Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) telah diminta membuat pembentangan terhadap kaedah-kaedah dalam pengawalan vektor denggi berasaskan tumbuhan.

"Pelan dasar juga melibatkan kerjasama Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram, dan Pembangunan Kampung Baharu, Ean Yong Hian Wah.

"Dasar berkenaan telah diusulkan di dalam mesyuarat khas bagi membincangkan



DAROYAH

isu wabak denggi Selangor pada 1 Mac lalu di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor," katanya.

Menurutnya, wakil pelbagai agensi termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Pejabat Tanah Dan Daerah Selangor (PTD) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) turut hadir membincang-

kan isu ini.

Negeri Selangor terus mengungguli carta teratas sebagai negeri terbanyak mencatatkan kes demam denggi di Malaysia.

Kebimbangan terhadap wabak ini terus menghantui penduduk di negeri ini meskipun pelbagai usaha dilakukan bagi membasmi wabak ini.

Usaha Kerajaan Selangor melakukan pencegahan berterusan menemui jalan buntu berikutan masih berlaku peningkatan pada kes.

Berdasarkan laporan laman sesawang iDengue sehingga 5 Mac lalu, Selangor mencatatkan 224 kes harian demam denggi.